
BAHAGIAN PENGURUSAN

Bahagian Pengurusan

RINGKASAN EKSEKUTIF

KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI

Bahagian Pengurusan selaras dengan bahagian-bahagian lain di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL&P) mempunyai matlamat untuk menuju ke arah kecemerlangan organisasi. Dalam memastikan hasrat tersebut tercapai, Bahagian Pengurusan sentiasa memberi khidmat sokongan kepada Bahagian-bahagian di JKWPKL&P dalam bentuk pengurusan sumber manusia, kewangan, teknologi maklumat, khidmat kaunseling dan pengurusan pentadbiran. Dalam hal ini, beberapa usaha telah dilaksanakan melalui agihan sumber tenaga manusia yang seimbang, pembangunan modal insan, khidmat nasihat, pengurusan kewangan, serta memberi sokongan padu kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh bahagian-bahagian lain di JKWPKL&P.

Bahagian Pengurusan juga bertanggungjawab untuk memantau dan menyelaras pelaksanaan projek-projek pembangunan JKWPKL&P. Memandangkan tahun 2008 merupakan tahun ketiga Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9), berbagai inisiatif telah dilaksanakan sebagai langkah pemantauan rapi ke atas pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti mengadakan mesyuarat pembangunan secara berkala.

Akhir sekali, semua anggota di Bahagian Pengurusan akan sentiasa berusaha dan bekerja keras memberikan perkhidmatan yang mengutamakan pelanggan. Di samping memegang teguh prinsip Budaya Korporat Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu penyayang, kerja berpasukan dan profesionalisme adalah budaya kerja kita. Dengan kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh seluruh warga JKWPKL&P amnya dan anggota Bahagian Pengurusan khususnya, bahagian ini yakin akan dapat menghadapi cabaran-cabaran masa depan dalam usaha menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk masyarakat dan warga JKWPKL&P.

1.0 PENGENALAN

Bagi tahun 2008, Bahagian Pengurusan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P), meneruskan usaha-usaha dalam membantu melicinkan pelaksanaan program-program bahagian lain di dalam mencapai objektif Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Organisasi Bahagian Pengurusan ini diketuai oleh seorang Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan) (TPKN(P), PTD M54 yang bertanggungjawab kepada Pengarah Kesihatan Negeri dalam hal ehwal pengurusan. TPKN (Pengurusan) dibantu oleh Ketua Penolong Pengarah (Sumber Manusia) yang menyelia secara langsung Unit Sumber Manusia, Unit Psikologi Kaunseling dan Unit Latihan. Manakala Unit Kewangan, Unit Perolehan dan Unit Pembangunan diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah (KPP). Unit Teknologi Maklumat diketuai oleh Penolong Pengarah Kanan (Sistem Maklumat), F44. Manakala Unit Pentadbiran pula diketuai oleh Penolong Pegawai Tadbir Gred N27.

1.1 OBJEKTIF BAHAGIAN PENGURUSAN

Untuk memberi khidmat sokongan yang cekap dan berkualiti kepada perkhidmatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya dari segi perancangan, pengurusan dan peningkatan kualiti pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, pentadbiran dan pengurusan sistem maklumat serta pengurusan pembangunan.

1.2 UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Dari aspek Pengurusan Sumber Manusia, pengisian jawatan serta permohonan jawatan baru diberikan penekanan. Bagi tahun 2008 pencapaian pengisian perjawatan adalah 83.5 peratus.

Pembangunan Modal Insan juga turut ditingkatkan dengan penganjuran 20 kursus dalaman untuk kakitangan JKWPKL&P daripada pelbagai kategori. Dari segi jumlah anggota yang dilatih dan mencapai sasaran 7 hari berkursus dalam setahun adalah seramai 1332 orang daripada jumlah anggota seramai 2,419 anggota.

Kedudukan perjawatan di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya sehingga 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

Jadual 1: Perjawatan Mengikut Kumpulan, JKWPKL&P pada 31 Disember 2008

Bil.	Kumpulan	Jawatan	Isi	Kekosongan
1.	Pengurusan dan Profesional	813	576	237
2.	Paramedik	1,730	1,519	211
3.	Sokongan dan Gunasama	698	612	86
Jumlah keseluruhan		3,241	2,707	534

Kedudukan Perjawatan mengikut bahagian pula adalah seperti berikut:

Jadual 2: Bilangan Jawatan Yang Diisi Mengikut Bahagian 2008

Bil.	Kumpulan	Jusa		Profesional		Sokongan		Keseluruhan	
		Jaw.	Isi	Jaw.	Isi	Jaw.	Isi	Jaw.	Isi
1.	Pengurusan	1	1	13	6	68	61	82	68
2.	Kesihatan Awam dan Klinik Kesihatan	0	0	234	138	808	751	1,042	889
3.	Pergigian dan Klinik Pergigian	4	4	165	105	552	482	721	591
4.	Perubatan dan Hospital	6	6	366	259	965	846	1,337	1,111
5.	Farmasi	0	0	39	33	20	15	59	48
Jumlah Keseluruhan		11	11	817	541	2,413	2,155	3,241	2,707

Pengurusan Sumber Manusia JKWPKL&P berjalan dengan kemampuan sumber manusia yang semakin meningkat (Jadual 3). Dalam lima tahun pertama sejak JKWPKL&P beroperasi terdapat penambahan peratus pengisian jawatan yang semakin meningkat sejajar dengan saranan YAB Perdana Menteri bagi mencapai

sasaran pengisian penuh bagi semua jawatan kakitangan awam. Pada tahun 2007, terdapat peratus pengisian yang tinggi iaitu 86.5 dengan peningkatan 0.2 peratus daripada tahun 2006. Bagaimanapun pada tahun 2008, bilangan perjawatan yang diluluskan semakin bertambah dengan pertambahan 506 berbanding tahun 2007.

Jadual 3: Perjawatan & Pengisian, JKWPKL&P, 2004-2008

Tahun	Perjawatan	Pengisian	% Pengisian
2004	1,971	1,579	80.1
2005	2,221	1,808	81.4
2006	2,386	2,060	86.3
2007	2,735	2,365	86.5
2008	3,241	2,707	83.5

Pertukaran Pegawai Masuk dan Keluar dari JKWPKL&P

Pada tahun 2008 pertukaran masuk dan keluar pegawai tidak melibatkan pegawai-pegawai utama jabatan, kebanyakan adalah melibatkan pegawai perubatan.

Jadual 4: Pertukaran Pegawai Masuk Ke JKWPKL&P 2008

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan	Tarikh	Penempatan
1.	Dr. Rozita Binti Arifin	Pegawai Perubatan U44	8/4/2008	K.K Cheras
2.	Adnan Bin Salimin	Pegawai Farmasi U48	16/4/2008	Bhg. Farmasi
3.	Marina Binti Ibrahim	Pegawai Sistem Maklumat F44	3/6/2008	Unit IT
4.	Dr.Gunavathy A/P Mthusamy	Pakar Perubatan Umum U48	27/6/2008	Hospital Putrajaya
5.	Dr. Wan Razanah Binti Wan Abdul Rahim	Pegawai Perubatan U44	10/7/2008	K.K Putrajaya
6.	Hasnizan Binti Hasan	Pegawai Farmasi U44	16/7/2008	K.K Tanglin
7.	Dr. Anisah Binti Abu Bakar	Pegawai Perubatan U48	2/9/2008	K.K Cheras
8.	Dr. Nor Azmi Bin Kasim	Pakar Perbidanan dan Sakit Puan	15/9/2008	Hospital Putrajaya

Jadual 5: Pertukaran Keluar Pegawai Perubatan, JKWPKL&P, 2008

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan	Tarikh	Penempatan
1.	Dr. Nor Laila Binti Sehat	Pegawai Perubatan U48	1/4/2008	PKD H.Langat
2.	Roeslan Bin Ishak	Pegawai Farmasi U48	16/4/2008	Pahang
3.	Norliah Binti Ardee	Pegawai Farmasi U52	16/4/2008	Hosp. Ampang
4.	Dr. Rose Nani Binti Mudin	Pegawai Perubatan U48	1/6/2008	KKM
5.	Dr. Mathyvani Umaphathy	Pegawai Perubatan U44	16/8/2008	HKL

Jadual 6: Senarai Nama Kenaikan Pangkat Pegawai, JKWPKL&P, 2008

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan	Tarikh	Penempatan
1.	Dr. Sallehudin Bin Abu Bakar	Timbalan Pengarah (K.A) U54	16/10/2008	Bahagian Kes. Awam
2.	Dr. Fuziah Binti Md. Zain	Pakar Kanak-kanak Khas C	1/3/2008	Hospital Putrajaya
3.	Dr. Norihan Binti Mohd Nordin	Pakar Perbidanan dan Sakit Puan Khas C	1/3/2008	Hospital Putrajaya
4.	Dr. Tan Lip Boon @ Naim Tan Bin Abdullah	Pakar Bius Khas C	1/3/2008	Hospital Putrajaya
5.	Halimatus Sa'diah Binti Ahmad	Pegawai Farmasi U48	16/4/2008	Hospital Putrajaya
6.	Dr. Husin Bin Marijan	Pakar Perubatan Bedah Umum U54	16/4/2008	Hospital Putrajaya
7.	Ashadi Bin Ramly	Peg. Tadbir Diplomatik M48	9/6/2008	Bahagian Pengurusan
8.	Dr. Premini A/P V. Ganespathy	Pegawai Perubatan U48	16/8/2008	K.K Kg. Pandan
9.	Dr. Maznieda Binti Mahjom	Pegawai Perubatan U48	16/8/2008	Bahagian Kes. Awam
10.	Dr. Mohd Fauzi Bin Abu Bakar	Pegawai Perubatan U48	16/8/2008	K.K Putrajaya
11.	Dr. Misliza Binti Ahmad	Pegawai Perubatan U48	16/8/2008	K.K Putrajaya

Jadual 6: (Samb.)

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan	Tarikh	Penempatan
12.	Dr. Hew Khor Farn	Pegawai Perubatan U48	16/8/2008	HPJ
13.	Dr. Nordashima Binti Abd Shukor	Pegawai Perubatan U48	16/8/2008	HPJ
14.	Dr. Rosnelizaide Bin Ramley	Pegawai Perubatan U44	16/12/2008	K.K Putrajaya
15.	Dr. Hariati Binti Jamil	Pegawai Perubatan U44	16/12/2008	K.K Putrajaya
16.	Dr. Faizatul Norlaylee Binti Ariffin	Pegawai Perubatan U44	16/12/2008	K.K Putrajaya
17.	Dr. Khairiah Binti Ibrahim	Pegawai Perubatan U44	16/12/2008	Bhg. Kes. Awam
18.	Dr. Mazliza Binti Ramly	Pegawai Perubatan U44	16/12/2008	Bhg. Kes. Awam
19.	Dr. Maimunah Binti Mahmud	Pakar Perubatan Keluarga U54	16/4/2008	K.K Jinjang
20.	Dr. Sukumar Rajaratnam	Pakar Perubatan Keluarga U52	16/8/2008	K.K Tanglin
21.	Dr. Hamimah Binti Saad	Pakar Perubatan Keluarga U52	16/8/2008	K.K Putrajaya

1.3 UNIT PENGURUSAN LATIHAN

Bagi meningkatkan pengetahuan serta kemahiran anggota dan menambahbaik lagi pengurusan Jabatan, beberapa kursus dalaman telah dirangka serta dijalankan oleh Jabatan ini sepanjang tahun 2008 (Jadual 7). Kursus-kursus berunsur klinikal atau teknikal khusus kepada Bahagian di bawah Jabatan telah dirancang dan dikendalikan oleh Bahagian berkenaan.

Jadual 7: Jadual Kursus-kursus Dalam JKWPKL&P 2008

Bil.	Nama Kursus	Tarikh	Tempat
1.	Taklimat Laporan Prestasi	28 Jan	Bilik Seminar Ting. 2, Blok B, JKWPKL
2.	Taklimat CPD	31 Jan	Bilik Seminar Ting. 2, Blok B, JKWPKL
3.	Kursus Sumber Manusia	21-23 Feb	Bilik Seminar Ting. 2, Blok B, JKWPKL
4.	Kursus Induksi Kumpulan P&P dan Sokongan 1	13-27 Mac	Coral Bay Resort, Pulau Pangkor
5.	Kursus Induksi Kumpulan Sokongan 2	18-27 April	Air Keroh D'Village Resort, Melaka
6.	Kursus Pengurusan Fail, Rekod & Surat	7-9 Mei	Bilik Seminar Ting. 2, Blok B, JKWPKL
7.	Taklimat Tatatertib	12 Mei	Bilik Seminar Ting 2, Blok B, JKWPKL
8.	Kursus Induksi P&P (<i>Housemen</i>)	18 Mei - 2 Jun	Puteri Resort, Melaka
9.	Kursus Asas Kewangan	12-14 Jun	Bilik Seminar Ting. 2, Blok B, JKWPKL
10.	Kursus Asas Pemandu	13-15 Jun	Bilik Seminar Ting. 2, Blok B, JKWPKL
11.	Kelas Bimbingan PTK Kumpulan Sokongan	11-13 Jun	Bilik Seminar Pergigian Blok C, JKWPKL
12.	Kelas Bimbingan PTK Kumpulan	18-20 Jun	Bilik Seminar Ting. 2, Blok B, JKWPKL
13.	Kursus Pengurusan Hasil	6 & 7 Ogos	Bilik Seminar Ting. 2, Blok B, JKWPKL
14.	Bengkel Tatatertib	14 Ogos	Bilik Seminar Ting. 2, Blok B, JKWPKL
15.	Kursus Induksi Kumpulan Sokongan 3	18-27 Ogos	Pusat Latihan, Tumpat, Kelantan
16.	Kursus MS Office Word Basic	18 Sept	IPSK
17.	Kursus Pengurusan Minit Mesyuarat	15 & 16 Sept	Bilik Seminar Ting. 2, Blok B, JKWPKL
18.	Kursus 5S	23 & 24 Sept	Bilik Seminar Ting 2, Blok B, JKWPKL
19.	Kursus Induksi Kumpulan Sokongan 3	3-12 Nov	Tiara Beach Resort, Port Dickson
20.	Kursus Induksi P&P (<i>Housemen</i>)	17-27 Nov	Glory Beach Resort, Port Dickson

Jadual 8: Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) 2008

Bil.	Kumpulan	Tarikh	Pusat Peperiksaan
1.	Sokongan (TK1)	24 Jun	Dewan Besar Wisma Belia
2.	Sokongan (TK2)	25 Jun	Dewan Besar Wisma Belia
3.	Sokongan (TK3)	26 Jun	Dewan Besar Wisma Belia
4.	Pengurusan & Profesional	3 Disember	Dewan Besar Wisma Belia Bilik Seminar Blok B Bilik Seminar Pergigian Blok C
5.	Sokongan (TK1)	16 Disember	Dewan Kementerian Kerjaraya
6.	Sokongan (TK2)	17 Disember	Dewan Kementerian Kerjaraya
7.	Sokongan (TK3)	18 Disember	Dewan Kementerian Kerjaraya

Jadual 9: Peruntukan Latihan Dalam Negara RMK9 JKWPKL&P 2008

Bahagian	Jumlah Peruntukan (RM)
Kesihatan Awam	RM230,000.00
Pergigian	RM61,000.00
Perubatan	RM291,600.00
Pengurusan	RM15,200.00
Farmasi	RM20,000.00
Jumlah	RM617,800.00

Jadual 10: Laporan Bilangan Kehadiran Kursus Tahun 2008

Bil.	Gred / Kumpulan	Bilangan Penjawat Sedia Ada Pada Tahun 2008	Bilangan Anggota Yang Dijisi Pada Tahun 2008	Maklumat Kehadiran Kursus		
				Bilangan Anggota Yang Hadir > 7 Hari Setahun	Bilangan Anggota Yang Hadir < 7 Hari Setahun	Bilangan Anggota Yang Tidak Berkursus
1.	Jusa	10	11	11	0	0
2.	P&P (Gred 41-54)	877	362	330	30	2
3.	Sokongan I (Gred 27-40)	849	718	601	107	10
4.	Sokongan II (Gred 1-26)	683	648	390	137	121
Jumlah		2,419	1,739	1,332	274	133

1.4 UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI KAUNSELING

Unit Psikologi Kaunseling, JKWPKL&P telah mula beroperasi dengan rasminya pada 3 Disember 2007. Unit Psikologi Kaunseling terletak di bawah Bahagian Pengurusan, JKWPKL&P dan diketuai oleh seorang Pegawai Psikologi S41. Di antara matlamat penubuhan unit ini adalah untuk:




Memberikan perkhidmatan kaunseling kepada personel kesihatan yang memerlukan ke arah mencapai kesedaran sendiri yang optimum. Membimbing klien untuk lebih terbuka dari aspek pemikiran dan tindakan agar dapat digunakan untuk membangunkan potensi yang ada ke arah kemajuan diri dan organisasi. Merangka dan mengendalikan program/aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran diri bagi membolehkan individu menguruskan emosi, pemikiran dan tingkahlaku dengan lebih efektif. Membantu organisasi khususnya Bahagian Pengurusan JKWPKL&P untuk mengenalpasti potensi diri, tahap kemahiran, keupayaan, minat, nilai serta sikap anggota melalui alat-alat pengukuran psikologi tertentu.

1.4.1 Perkhidmatan Kaunseling

Tahun 2008 adalah tahun pertama perkhidmatan kaunseling. Oleh itu perkhidmatan kaunseling yang disediakan adalah kaunseling individu, kaunseling kelompok, ujian

psikometrik, pendidikan psikososial dan program pembangunan insan (ppi -cpd). Permasalahan yang sering dikendalikan dan menjadi rujukan kakitangan oleh ketua unit masing-masing adalah dari segi masalah disiplin, interpersonal, tatatertib, psikologi, dan lain-lain iaitu seperti masalah rumahtangga. Data berkenaan dengan maklumat ini ditunjukkan seperti Rajah 1 di bawah.

Rajah 1: Bilangan Jenis Masalah dan Klien




1.5 UNIT PENGURUSAN KEWANGAN

1.5.1 Peruntukan 2008

Pada tahun 2008, peruntukan keseluruhan yang diterima ialah RM189,598,160 iaitu pertambahan sebanyak RM23,784,988 (kadar pertambahan 12.5%) berbanding jumlah peruntukan tahun 2007. Berbanding dengan tahun lepas juga, peruntukan tahun semasa menunjukkan pertambahan bagi Bajet Mengurus sebanyak RM37,178,364 dan pengurangan peruntukan Pembangunan sebanyak RM6,285,237.


Pembahagian agihan peruntukan mengikut maksud perbelanjaan adalah seperti Rajah 2. Bagi tahun 2008, agihan peruntukan adalah sebanyak 90% untuk belanja mengurus, 3% untuk belanja pembangunan dan 6% peratus bagi Dasar Baru dan 1% untuk belanja One-Off.

Rajah 2: Agihan Peruntukan Mengikut Maksud Perbelanjaan, JKWPKL&P, 2008



Rajah 3 menunjukkan perbandingan peruntukan tahun 2005, 2006, 2007 dan 2008 bagi kategori peruntukan Mengurus, Pembangunan, Dasar Baru dan One-Off.

Rajah 3: Peruntukan Kewangan Mengikut Kategori, JKWPKL&P, 2005-2008



1.5.2 Prestasi Perbelanjaan


Prestasi Perbelanjaan JKWPKL&P adalah mencapai 104.10 di mana pecahan prestasi adalah seperti Jadual 11-13.

1.5.3 Pengurusan Hasil

Pada tahun 2008, terdapat peningkatan kutipan hasil sebanyak 6 peratus iaitu penambahan sebanyak RM295,336 jika dibandingkan dengan tahun 2007. (Rajah 4)

Daripada jumlah kutipan hasil JKWPKL&P, Hospital Putrajaya berjaya mengutip sebanyak 3,792,090.62 (iaitu 72.6%) dan diikuti oleh Pejabat Pengarah (termasuk klinik Kesihatan di kawasan Kuala Lumpur (sebanyak RM710,577.50(13.6%), Pejabat Pergigian sebanyak RM596,532.00(11.4%) dan Pejabat Kesihatan Putrajaya sebanyak 124,635.00 (2.4%)

Rajah 4: Kutipan Hasil, JKWPKL&P, 2005-2008



Jadual 11: Peruntukan & Prestasi Perbelanjaan, JKWPKL&P, 2007-2008

Bil.	Kategori	Peruntukan			
		2007	% Belanja	2008	% Belanja
1.	Belanja Mengurus	146,544,820.00	99.37	171,210,570.00	105.61
2.	Pembangunan	12,160,213.00	97.98	5,874,976.00	73.28
3.	Dasar Baru	3,544,517.00	96.39	10,232,239.00	98.90
4.	One-Off	3,563,622.00	98.87	2,280,375.00	99.72
Jumlah		165,813,172.00	98.15	189,598,160.00	104.17

Jadual 12: Agihan bajet mengurus mengikut program, JKWPKL&P, 2007-2008

Bil.	Program	Peruntukan			
		2007	% Belanja	2008	% Belanja
1.	Pengurusan	10,702,401.00	105.56	12,264,081.00	101.54
2.	Kesihatan Awam	59,767,870.00	97.09	47,955,372.00	110.31
3.	Perubatan	74,368,229.00	99.65	83,068,014.00	105.16
4.	Sokongan Teknikal	1,706,320.00	101	129,400.00	91.47
5.	Pergigian			25,810,303.00	99.44
6.	Farmasi			1,983,400.00	126.10
Jumlah		146,544,820.00	99.37	171,210,570.00	105.61

Jadual 13: Agihan bajet pembangunan mengikut program, JKWPKL&P, 2007-2008

Bil.	Projek	Peruntukan			
		2007	% Belanja	2008	% Belanja
1.	Latihan (BP1)	420,789.00	98.54	725,200.00	96.39
3.	Kemudahan Hospital (BP3)	224,320.00	99.86	175,680.00	100
4.	Kajian (BP5)	358,200.00	99.36	200,000.00	99.9
5.	Ubahsuai, Naiktaraf & Pembaikan (BP6)	2,240,268.00	99.25	177,921.00	99.64
6.	Kemudahan Teknologi Maklumat & Komunikasi (BP8)	149,100.00	99.98	2,341,123.00	34.17
7.	Peralatan dan Kenderaan (BP11)	8,767,536.00	90.9	2,255,052.00	99.93
Jumlah		12,160,213.00	97.98	5,874,976.00	73.28

1.6 UNIT PENGURUSAN PEROLEHAN

Pada tahun 2008, Unit Perolehan telah menguruskan 2 tender dan 39 sebutharga. Rumusan pecahan sebutharga yang dikeluarkan adalah 6 untuk kerja-kerja

pengubahsuaian, 6 untuk bekalan peralatan ubat dan bukan ubat, 14 untuk perkhidmatan kawalan keselamatan, 5 untuk perkhidmatan pembersihan, 3 untuk perkhidmatan penyewaan bangunan, 1 untuk perkhidmatan penyelenggaraan bangunan dan 1 sebutharga dibatalkan.

Jadual 14: Perihal Tender

Kod	Perihal Tender
1/2008	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Hospital Putrajaya
2/2008	Perkhidmatan Sajian Makan Hospital Putrajaya

Jadual 15: Perihal Sebutharga

Kod	Perihal Sebutharga
1/2008	Tawaran Membekal, Menguji dan Mentauliah Perkakasan & Perisian Komputer
2/2008	Perkhidmatan Penyewaan Kenderaan M/V Penumpang Bagi 12 Tempat Duduk
3/2008	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan KK Kampung Pandan
4/2008	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan KK Cheras Baru
5/2008	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan KK Petaling Bahagia
6/2008	Batal
7/2008	Perkhidmatan Pembersihan KK Jinjang
8/2008	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan KK Sentul
9/2008	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan KK Setapak
10/2008	Tawaran Membekal, Menguji dan Mentauliah Perkakasan & Perisian Komputer
11/2008	Tawaran Membekal, Menguji dan Mentauliah Perkakasan & Perisian Komputer Projek EKL
12/2008	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan KK Sg.Besi
13/2008	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan KK Batu
14/2008	Batal
15/2008	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan KK Jinjang
16/2008	Perkhidmatan Pembersihan KK Tanglin
17/2008	Perkhidmatan Penyelenggaraan Bangunan Mekanikal dan Elektrikal JKWP&P
18/2008	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Pejabat Kesihatan Putrajaya

Jadual 15: (Samb.)

Kod	Perihal Sebutharga
19/2008	Perkhidmatan Pembersihan Di Pejabat Kesihatan Putrajaya
20/2008	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan KK Cheras
21/2008	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan KK Dato' Keramat
22/2008	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan KK Tanglin
23/2008	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan KK Bandar Tun Razak
24/2008	Dibatalkan
25/2008	Tawaran Membekalkan Peralatan <i>Non Mydriatic Digital Fundus Camera</i> Bagi JKWPKL&P
26/2008	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan JKWPKL&P
27/2008	Tawaran Mencetak Dan Membekal Buku Rekod Kesihatan Kanak-kanak
28/2008	Tawaran Membekalkan Peralatan 25 Kit Automated Hemoglobin Testing System/HbA 1C Reagent
29/2008	Perkhidmatan Pembersihan Di JKWPKL&P
30/2008	Perkhidmatan Kafeteria KK Jinjang
31/2008	Kerja-kerja Pembaikan, Penyelenggaraan dan Naiktaraf Kaunter Farmasi KK Petaling Bahagia
32/2008	Kerja-kerja Pembaikan, Penyelenggaraan dan Naiktaraf Kaunter Farmasi KK Dato' Keramat
33/2008	Kerja-kerja Pembaikan, Penyelenggaraan dan Naiktaraf Kaunter Farmasi KK Cheras Baru
34/2008	Kerja-kerja Pembaikan, Penyelenggaraan dan Naiktaraf Kaunter Farmasi KK Kg. Pandan
35/2008	Kerja-kerja Pembaikan, Penyelenggaraan dan Naiktaraf Kaunter Farmasi KK Bandar Tun Razak
36/2008	Perkhidmatan Pembersihan Klinik Kesihatan/Pergigian Putrajaya
37/2008	Perkhidmatan Penyewaan Kenderaan M/V Penumpang Bagi 12 Tempat Duduk di Unit Primer
38/2008	Kerja-kerja Menaiktaraf Tandas Kepada Dua Unit Tandas Lelaki dan Wanita di Bahagian Perubatan
39/2008	Perkhidmatan Penyewaan Kenderaan M/V Penumpang Bagi 12 Tempat Duduk di Unit Vektor

1.7 UNIT PENGURUSAN PEMBANGUNAN

1.7.1 Latarbelakang

Sejak JKWPKL&P ditubuhkan pada tahun 2001, Unit Pembangunan telah berkembang sejajar dengan kemajuan yang telah dicapai oleh Jabatan dalam meningkatkan perkhidmatan mutu kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

1.7.2 Fungsi dan Tanggungjawab

Di antara fungsi dan tanggungjawab yang di amanahkan kepada Unit Pembangunan ialah:

- Merancang keperluan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia
- Merancang dan menguruskan peruntukan pembangunan Jabatan (BP2, BP3 dan BP6)
- Menguruskan permohonan kerja-kerja pembaikan dan naiktaraf klinik
- Menguruskan hal-ehwal penyewaan premis bagi penempatan klinik
- Mengemaskini maklumat pelaksanaan projek pembangunan dalam Sistem Projek Pemantauan SPPII
- Urusetia Mesyuarat Pembangunan
- Bertindak sebagai Pengantara dengan Agensi Pelaksana Pembangunan

1.7.3 Aktiviti Sepanjang Tahun

Sepanjang Tahun 2008, Unit Pembangunan Bahagian Pengurusan JKWPKL&P telah mencapai prestasi yang membanggakan dalam melaksanakan tanggungjawab merancang, mengurus dan memantau pembangunan projek-projek.

Projek RMK-9 yang telah dilaksanakan pada tahun 2008, iaitu:

- **Pembinaan Hospital Rehabilitasi**

Gambar 1: Lakaran Hospital Rehabilitasi



Projek ini terletak di Lot 4433, Mukim Kuala Lumpur iaitu lebih kurang 7 kilometer dari pusat Bandar Kuala Lumpur. Projek ini berada di laluan Lingkaran Tengah (MRR2). Walaupun ia terletak berhampiran Jalan Tenteram tetapi laluan ke tapak adalah melalui satu laluan sedia ada yang kecil yang menghubungkan Jalan Cheras.

Projek ini juga terletak berhampiran dengan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) dan ia dikelilingi oleh pelbagai bangunan institusi, pengajian dan perumahan. Tapak ini pada asalnya merupakan tapak Hospital Lady Templer yang dibina sekitar tahun 1950an.

Konsep perancangan yang digunakan adalah dengan mengambilkira keperluan keseluruhan yang diperlukan oleh Hospital Rehabilitasi ini dan juga dengan mengambilkira perancangan untuk membesarkan hospital ini daripada 166 katil kepada 300 buah katil dimasa hadapan.

Hospital ini merangkumi sebuah blok utama 2 tingkat, kuarters kelas D 30 unit, kuarters kelas F 100 unit, kuarters kelas G 120 unit, Asrama Jururawat 42 Unit; dan Meditel 20 bilik. Kemudahan rekreasi dan tempat letak kereta.

Maklumat-maklumat projek seperti berikut:

Kos Projek : RM341,900,000.00

Tarikh Mula Projek : 15 Februari 2008

Tarikh Jangka Siap : 18 November 2010

Tempoh Jangka Siap : 33 bulan.

Nama Kontraktor : Konsortium Gadang Perembun Sdn. Bhd.

- **Lokasi Tapak Hospital Rehabilitasi Cheras**

Gambar 2: Kawasan Cadangan Hospital Rehabilitasi di Cheras



Gambar 3: Kerja-kerja memasang cerucuk sedang dijalankan

- **Pembinaan KK2 Bandar Cheras (Lady Templer) dengan Pejabat Kesihatan dan Kuarters Integrasi, WPKL**

Tapak ini pada asalnya merupakan tapak Hospital Lady Templer yang dibina sekitar tahun 1950an. Bekas hospital ini pada asalnya digunakan sebagai Klinik Kesihatan Cheras. Memandangkan keperluan untuk menambah kemudahan kesihatan kepada pesakit di kawasan berkenaan, pihak JKWPKL&P telah merancang untuk membina sebuah klinik kesihatan serta kemudahan lain iaitu Pejabat Kesihatan dan Kuarters Integrasi WPKL. Apabila siapnya projek kuarters Integrasi WPKL, pegawai yang bertugas di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan menikmati kemudahan kuarters yang lebih besar dan selesa. Kemudahan yang disediakan merangkumi 160 unit kelas G, 100 unit Kelas F, serta lain-lain bagi kuarters pegawai. Tanah bagi projek ini meliputi kawasan seluas 6 ekar tanah yang terletak di atas Lot No. 4433, Mukim Kuala Lumpur, bersebelahan Rumah Anak-Anak Yatim Tengku Budriah Cheras.

Gambar 4: Kerja-kerja pembinaan KK2 Bandar Cheras (Lady Templer) dengan Pejabat Kesihatan dan Kuarters Integrasi, WPKL, sedang dijalankan

- **Kerja-kerja Meroboh Bangunan Lama Bekas Hospital Lady Templer untuk dijadikan Tapak Klinik Kesihatan Cheras**

Gambar 5: Kerja-kerja meroboh bangunan lama bekas Hospital Lady Templer



Maklumat-maklumat projek seperti berikut:

Kos Projek : RM130,800,500.00
Tarikh Mula Projek : 22.12.2008
Tarikh Jangka Siap : 05.06.2011
Tempoh Jangka Siap : 128 minggu
Nama Kontraktor : Cheras Pinang Sdn. Bhd.

- **Pembelian Peralatan Pergigian**


Dalam Projek RMK-9 pembelian peralatan pergigian telah dibuat di Klinik Pergigian seperti berikut:

- (a) Klinik Pergigian Jinjang Selatan – RM200,000
- (b) Klinik Pergigian Nam Kheung Cheras Baru – RM200,000.00
- (c) Klinik Pergigian Sri Delima – RM200,000.00

Gambar 6: Klinik Pergigian Jinjang Selatan



Gambar 7: Klinik Pergigian Nam Kheung Cheras Baru



Gambar 8: Klinik Pergigian Sri Delima



- **Projek Rangsangan Ekonomi**

Projek Pakej Rangsangan Ekonomi bagi projek-projek Menaiktaraf, Pembaikan dan Ubahsuai Fasiliti Kesihatan telah diluluskan sebanyak RM 6,000,000. Sebanyak 90 projek telah diluluskan.

Bahagian Kesihatan Awam di Ibu Pejabat JKWPKL&P telah mendapat peruntukan terbanyak dengan jumlah RM3 juta untuk melakukan kerja-kerja menaiktaraf kemudahan di klinik kesihatan. Manakala Hospital Putrajaya telah diberi peruntukan sebanyak RM2 juta bagi melaksanakan 38 projek. Ini diikuti oleh Bahagian Pengurusan Pergigian sebanyak RM600,000.00 untuk kemudahan 11 klinik pergigian. Manakala pihak Pengurusan Farmasi telah diperuntukkan sebanyak RM400,000.00 bagi memperbesarkan kaunter farmasi dan lain-lain keperluan.

Dengan peruntukan yang diberikan ini kemudahan di keseluruhan premis kesihatan di bawah JKWPKL&P telah bertambah baik dan selesa.

1.8 UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT (ICT)

Berkuatkuasa mulai 15 Ogos 2008, Bahagian Teknologi Maklumat (BTMK), KKM telah ditukarkan nama ke Bahagian Pengurusan Maklumat (KKM) dan selaras dengan itu juga bagi tujuan penyeragaman, Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JKWPKL&P) ditukarkan ke Unit Pengurusan Maklumat.

Sepanjang tahun 2008, Unit Pengurusan Maklumat telah dipertanggungjawab untuk melaksanakan beberapa aktiviti bagi menjayakan program-program jabatan dan juga KKM secara amnya.

Rajah 5: Kemudahan yang Disediakan di bawah Pelaksanaan Inisiatif Projek eKL, JKWPKL&P

Perkara	PK Tanglin	KK Jinjang	KK Batu
Bilik Server	√	√	√
LAN	√ (39 nodes)	√ (65 nodes)	√ (22 nodes)
Rack 42U	√	√	√
IPVPN (MOH*Net -512K)	√	√	√
ISDN (Backup Line)	√	√	√
PC	23	22	22
UPS	23	22	22
<i>Antivirus Software</i>	23	22	22
<i>Barcode Scanner</i>	8	8	8
<i>Barcode Printer</i>	8	8	8
<i>Laserjet Network Printer</i>	4	4	4
<i>Laserjet A4 Printer</i>	4	4	4
<i>Laserjet A3 Printer</i>	1	1	1
<i>Card Reader</i>	1	6	5
<i>Application</i>	<i>Teleprimary Care System (TPC)</i>	<i>Teleprimary Care System (TPC)</i>	<i>Teleprimary Care System (TPC)</i>

1.8.1 Pelaksanaan Inisiatif Projek eKL, KKM di JKWPKL&P

Dalam pelaksanaan projek ini, sebanyak 3 (tiga) buah klinik JKWPKL&P iaitu Poliklinik Komuniti Tanglin, Klinik Kesihatan Jinjang dan Klinik Kesihatan Batu telah dinaiktaraf dari segi penstrukturan bilik, Sistem Rangkaian Setempat (LAN), talian MOH*Net, perkakasan dan perisian ICT.

Di samping itu juga 2 (dua) buah *server* bagi pelaksanaan Sistem Teleprimary Care (TPC) di bawah Projek eKL, KKM telah ditempatkan di Hospital Putrajaya untuk capaian bagi ketiga-tiga buah klinik tersebut.

- **Senario Pelaksanaan TPC-Ekl PK Tanglin, KK Jinjang dan KK Batu**

Gambar 9: Gambaran pelaksanaan TPC-Ekl di PK Tanglin, KK Jinjang & KK Batu



- ‘State Server’ TPC Ditempatkan Di Hospital Putrajaya

Gambar 10: ‘State Server’ TPC di Hospital Putrajaya



1.8.2 Kursus Dalaman


Unit Pengurusan Maklumat telah mengambil inisiatif untuk mengadakan kursus ICT secara ‘inhouse’ bagi membantu pegawai dalam memenuhi arahan perkhidmatan untuk menghadiri kursus/latihan 7 hari setahun. Kursus Asas MS Words 2007 telah diadakan di Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan (IPSK), Bangsar bagi pegawai Bahagian Pengurusan JKWPKL&P.

1.8.3 Pendaftaran emel Rasmi

Sebanyak 968 pegawai JKWPKL&P yang layak telah didaftarkan dengan emel rasmi KKM (@moh.gov.my). Pendaftaran emel rasmi ini adalah bagi tujuan perhubungan emel secara rasmi dan bagi memenuhi ‘Garis panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet Dan Mel Elektronik Di Agensi-agensi Kerajaan – PKPA Bil. 1 Tahun 2003’.

1.8.4 Aduan Pengguna Berkaitan ICT

Sepanjang tahun 2008, Unit Pengurusan Maklumat telah berusaha mengatasi aduan-aduan yang diterima dari pihak pengguna iaitu di peringkat jabatan dan juga di peringkat klinik-klinik kesihatan dan pergigian. Dari statistik yang diperolehi (Rajah 6), didapati kebanyakan aduan yang diterima adalah berkaitan dengan masalah perisian komputer seperti masalah ‘system hang’, fail ‘corrupt’ dan sebagainya. Selain dari itu terdapat aduan yang diterima mengenai masalah perkakasan seperti masalah pencetak, monitor/lcd tidak berfungsi dan lain-lain masalah yang berkaitan.

Rajah 6: Statistik Aduan

1.9 UNIT PENGURUSAN PENTADBIRAN

Jadual 16: Aktiviti Mesyuarat Peringkat Jabatan Tahun 2008

Bil.	Mesyuarat Berjadual	Kekerapan
1.	Mesyuarat Pagi Peringkat JKWPKL&P	27 kali
2.	Mesyuarat Pelan Tindakan bersama semua Ketua Bahagian, Ketua Unit dan Klinik-klinik	2 kali setahun
3.	Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	4 kali
4.	Mesyuarat Pengurusan Ketua-Ketua Unit	6 kali
5.	Mesyuarat Keutuhan	4 kali

Jadual 17: Pengendalian Majlis-Majlis Rasmi Jabatan Bagi Tahun 2008

Bil.	Majlis Rasmi
1.	Perhimpunan Pagi Bulanan
2.	Majlis Hari Kualiti & Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
3.	Majlis Malam Jasamu Dikenang
4.	Majlis Gotong-Royong Peringkat Ibu Pejabat JKWPKL&P
5.	Majlis Ujian Tilawah Al-Qur'an Peringkat JKWPKL&P
6.	Majlis Sambutan Maal Hijrah 1429H

1.10 RUMUSAN

Keseluruhannya bagi tahun 2008 ini, Bahagian Pengurusan telah dapat melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan dalam aspek pembangunan sumber manusia dan penerapan program-program kualiti. Tahun mendatang (2009) dijangka akan lebih mencabar berikutan akan tertubuhnya empat buah pejabat kesihatan lagi di bawah JKWPKL&P. Oleh itu penekanan kepada perkhidmatan sokongan seperti pengurusan sumber manusia, kewangan, pembangunan, sistem maklumat dan latihan sering ditingkatkan dengan penambahan perjawatan, peningkatan latihan serta peruntukan kewangan yang mencukupi akan diberi lebih penekanan untuk menyokong perkhidmatan-perkhidmatan teras seperti kesihatan dan perubatan di JKWPKL&P.

Gambar 11: Diari Korporat JKWPKL 2008



Perhimpunan Pagi diadakan pada minggu pertama setiap bulan



Majlis Sambutan Maal Hijrah diadakan pada 14 Februari 2008



Sambutan Hari Keluarga JKWPKL&P diadakan pada 5 & 6 April 2008



Program Gotong-Royong Perdana diadakan pada 20 Jun 2008



Mini Konvensyen KMK Peringkat JKWPKL&P diadakan pada 4 Ogos 2008



Majlis Hari Kualiti & Malam Jasamu Dikenang diadakan pada 31 Oktober 2008